

Kecenderungan Pelajar-Pelajar Institut Kemahiran Mara (IKM) Johor Bahru Terhadap Bidang Keusahawanan

Norani Mohd. Noor & Norisham A.Rahim

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kecenderungan pelajar-pelajar Institut Kemahiran MARA (IKM) Johor Bahru terhadap bidang keusahawanan. Terdapat lima objektif utama untuk kajian ini iaitu mengenalpasti faktor motivasi keusahawanan, ciri-ciri keusahawanan, kemahiran keusahawanan dan pengetahuan keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan serta mengenalpasti elemen keusahawanan yang dapat mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan menggunakan kaedah tinjauan. Kajian tinjauan ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Soal selidik yang digunakan mengandungi 45 item yang berdasarkan kepada persoalan kajian. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji dengan Alpha Cronbach dan memperolehi nilai 0.8, manakala keesahan item-item diperolehi menerusi perbincangan dengan pakar. Data-data yang dikumpul seterusnya dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) For Windows Version 12*. Hasil dapatan kajian mendapati faktor motivasi keusahawanan yang mendorong kecenderungan mereka adalah disebabkan faktor ekonomi. Bagi ciri-ciri keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan adalah kebolehan mereka bekerja dengan teliti di samping seorang yang bertenaga dan keyakinan diri yang tinggi. Kajian ini juga mendapati bahawa kemahiran keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan adalah kebolehan menyesuaikan diri dan kemahiran bekerja dalam kumpulan. Pengetahuan keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan adalah pengetahuan mengenai keperluan dan gelagat pelanggan. Pendidikan awal serta pembudayaan keusahawanan secara berterusan tanpa mengira lapisan umur merupakan elemen keusahawanan yang dapat mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Katakunci : kecenderungan pelajar, Institut Kemahiran Mara (IKM), keusahawanan

Pengenalan

Setiap tahun minat untuk mengembangkan dan membangunkan bidang keusahawanan semakin meningkat dan ia menunjukkan suatu perkembangan yang positif. Alvarez (1996) dalam Zafir *et al.* (2003), menyatakan bahawa “Demam Keusahawanan” bermula pada pertengahan 1980an, perkembangan bidang keusahawanan telah bergerak dengan begitu pantas, yang mana ia bukan sahaja tertumpu kepada sesebuah negara tetapi telah berkembang ke seluruh pelusuk dunia serta telah mengubah pemikiran dan orientasi kehidupan masyarakat terhadap aktiviti perniagaan dan seterusnya telah meningkatkan tahap pembangunan sesebuah negara.

Kemerdekaan dan sistem pendidikan selepas itu telah banyak mengubah corak pemikiran masyarakat Malaysia dan telah membawa kepada perubahan. Keusahawanan mula mendapat tempat di Malaysia bermula setelah penggubalan dan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1970 hasil cetusan idea Tun Abd. Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) diperkenalkan 37 tahun yang lalu, ramai bumiputera

khususnya orang melayu cuba untuk menceburi bidang keusahawanan. Melalui DEB, lahir lah golongan usahawan melayu yang boleh dikatakan hebat dan berjaya.

Setiap tahun ramai pelajar yang keluar dari institusi pengajian tidak kira dari universiti atau kolej awam dan swasta, institut kemahiran mahupun pusat-pusat latihan. Sudah pasti bilangan yang begitu ramai ini akan mencari pekerjaan dan bukan semua di kalangan mereka mendapat pekerjaan. Ini kerana kerja yang ada dengan bilangan pemohon tidak sama banyak. Bagi mereka yang bertegas untuk bekerja makan gaji, mereka mungkin terpaksa menganggur dalam suatu jangka masa tertentu. Keinginan kuat untuk makan gaji mungkin berpunca daripada cara didikan. Anak-anak disuruh belajar sehingga ke peringkat tertinggi dan lulus dengan pangkat terbaik, kemudian mencari kerja dengan gaji yang lumayan. Keinginan makan gaji di kalangan lepasan pelajar institusi pengajian ini amat membimbangkan sehingga pada setiap tahun kadar pengangguran meningkat. Menurut Muhamad Salleh (2003), mentaliti masyarakat kita jarang sekali menggalakkan anak-anak menjadi majikan kerana tahap pengambilan risiko pada diri kita adalah rendah. Oleh itu, seseorang yang telah menghabiskan pengajian dari institusi pengajian hendaklah digalakkan untuk bekerja sendiri atau memulakan perniagaan secara kecil-kecilan kerana bidang keusahawanan menawarkan peluang kerja yang cukup luas pada masa ini.

Pernyataan Masalah

Apakah Pelajar-Pelajar Diploma Teknologi Mekanikal (Gas) dan Pelajar-Pelajar Kejuruteraan Mekanikal Pemanas, Pengudaraan dan Penyaman Udara Institut Kemahiran MARA (IKM) Johor Bahru, cenderung terhadap bidang keusahawanan.

Objektif Kajian

Objektif kajian yang dijalankan ini secara umumnya adalah untuk mengkaji kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk :

1. Mengenalpasti faktor motivasi keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan.
2. Mengenalpasti ciri-ciri keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan.
3. Mengenalpasti kemahiran keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan.
4. Mengenalpasti pengetahuan keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan.
5. Mengenalpasti elemen keusahawanan yang dapat mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa kepentingan yang mendorong penyelidik untuk membuat penyelidikan berkaitan kajian ini. Antaranya adalah:

Pelajar

Melalui kajian yang dijalankan ini, ia akan menjadi salah satu sumber yang akan memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang kepentingan keusahawanan dalam membangunkan negara dan kelebihan yang bakal mereka perolehi sekiranya mereka berkecimpung dalam bidang ini. Selain itu, pengkhususan dan kepakaran yang diperolehi dalam sesuatu bidang semasa pengajian kadangkala tidak dapat menjamin seseorang itu mendapat kerjaya yang diidamkan.

Oleh yang demikian, ciri-ciri keusahawanan harus disemai dalam kehidupan pelajar dan apa yang paling utama mereka seharusnya memperolehi kemahiran dan pengetahuan dalam bidang keusahawanan kerana ia merupakan bidang kerjaya yang mempunyai prospek yang cerah pada masa akan datang.

Tenaga Pengajar

Kajian ini diharap dapat membantu tenaga pengajar dan pengurusan melahirkan pelajar yang berkualiti dan berdaya saing. Ini boleh dilakukan dengan memasukkan elemen-elemen keusahawanan pada setiap matapelajaran kerana melalui kaedah ini dirasakan dapat memberikan motivasi kepada pelajar agar berminat terhadap bidang keusahawanan.

Institut Kemahiran MARA (IKM)

Kajian ini diharap dapat membantu pihak Institut Kemahiran MARA (IKM) merangka program dan seminar berkaitan keusahawanan untuk manfaat kepada pelajar-pelajar. Ini kerana kemahiran yang mereka perolehi semasa pengajian cukup berharga dan lebih bermakna sekiranya mereka mempunyai perusahaan atau perniagaan sendiri kerana mereka dapat memaksimumkan kemampuan dan kebolehan mereka berbanding bekerja makan gaji. Wujud sesetengah golongan majikan yang mengeksploitasi tenaga dan kemahiran mereka dengan bayaran gaji yang kurang setimpal.

Rekabentuk Kajian.

Kaedah yang digunakan adalah bertujuan untuk mengumpul maklumat terperinci dan memberi gambaran yang jelas mengenai kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan menggunakan kaedah tinjauan kerana data hanya diambil dalam satu masa tertentu sahaja. Tinjauan adalah cara yang spesifik kerana data dapat dikumpulkan dengan cepat dan mudah, menjimatkan masa dan perbelanjaan, bilangan responden yang ramai dapat diadakan dan kaedah tinjauan ini sesuai untuk gambaran sebenar mengenai maklumat sampel kajian.

Kajian tinjauan ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan kerana penggunaannya dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel. Ini adalah disebabkan ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Mereka bebas menyatakan pendapat sendiri untuk menjawab setiap item yang diberikan (Mohd. Majid, 1993).

Populasi dan Sampel

Populasi ialah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri yang sama. Melalui populasi bidang masalah yang perlu dikaji dapat ditentukan. Populasi merupakan cerapan ke atas sekumpulan individu atau objek. Individu atau objek yang dicerap mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama antara satu dengan yang lain (Mohd Majid, 1993). Menurut Azizi *et. al* (2007), sampel adalah sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat menjadi wakil populasi ataupun sebaliknya.

Populasi bagi kajian ini adalah Pelajar-Pelajar Institut Kemahiran MARA (IKM) Johor Bahru. Dalam kajian ini, sampel yang terlibat adalah terdiri daripada Pelajar-Pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal Pemanas, Pengudaraan dan Penyaman Udara dan Pelajar-Pelajar Diploma Teknologi Mekanikal (Gas), iaitu seramai 166 orang. Seramai 16 orang daripada jumlah tersebut dipilih secara rawak dan telah diasingkan bagi tujuan kajian rintis. Oleh yang

demikian, jumlah keseluruhan sampel kajian adalah seramai 150 orang. Jadual 1 menunjukkan taburan responden kajian mengikut pengkhususan.

Jadual 1 : Taburan Responden Kajian Mengikut Pengkhususan

Kursus	Bilangan Pelajar
Diploma Teknologi Mekanikal (Gas)	75
Diploma Kejuruteraan Mekanikal Pemanas, Pengudaraan dan Penyaman Udara	91
Jumlah	166

Sumber: Institut Kemahiran MARA (IKM), Johor Bahru

Instrumen Kajian

Borang soal selidik digunakan untuk memperolehi maklumat daripada subjek yang dikaji. Soal selidik telah didapati lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar kerana ia dapat mengukur ciri-ciri atau pembolehubah yang hendak diukur daripada saiz sampel yang banyak dan akan meningkatkan ketepatan anggaran statistik sampel untuk menganggar parameter populasi (Mohd Majid, 1993).

Item-item kajian dibina berdasarkan item yang telah diubahsuai daripada instrumen yang telah digunakan dalam kajian lepas oleh penyelidik lain seperti Siti Asiah (2002), bertajuk “Mengenalpasti Tahap Motivasi dan Kecenderungan Keusahawanan di Kalangan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal : Satu Tinjauan di KUiTTHO” dan kajian daripada Nurul Zuraida (2003), yang bertajuk “Tinjauan Terhadap Pengetahuan, Kemahiran dan Minat Dalam Bidang Keusahawanan di Kalangan Peserta Kursus Jangka Pendek anjuran JPTV KUiTTHO”. Oleh yang demikian, item yang dirasakan sesuai diambil dan diubahsuai mengikut kehendak penyelidik. Pemilihan item yang sesuai akan memberikan kebolehpercayaan yang tinggi (Mohd Najib, 2003).

Set borang soal selidik yang diberikan kepada responden terbahagi kepada dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A

Bahagian ini mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan maklumat peribadi responden. Item-item yang terdapat di dalam Bahagian A adalah seperti berikut:

- i. Jantina
- ii. Umur
- iii. Pendapatan Keluarga
- iv. Jenis Sekolah Semasa SPM
- v. Kelulusan Akademik Semasa SPM
- vi. Pengalaman dalam bidang keusahawanan
- vii. Kawasan Kediaman Tetap
- viii. Kursus

Responden hendaklah menandakan jawapan yang bersesuaian dengan biodata responden itu sendiri.

Bahagian B

Likert dalam (Ary *et al.*, 1985) telah mencadangkan penggunaan satu set senarai kenyataan berbentuk positif dan negatif berhubung dengan sikap individu terhadap sesuatu institusi, isu atau aktiviti. Subjek menunjukkan sama ada mereka sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju atau sangat tidak setuju terhadap setiap kenyataan yang mengukur sikap (Mohd Majid, 1993).

Dalam kajian ini, item-item diukur menggunakan Skala Likert. Setiap soalan disediakan lima cadangan jawapan. Responden hanya perlu menyatakan setuju atau tidak terhadap item-item dengan menanda pada skor yang diberikan di penghujung setiap item. Pengkelasan Skala Likert ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Pengkelasan Skala Likert

Skor	Jawapan Responden
5	Sangat setuju (SS)
4	Setuju (S)
3	Tidak pasti (TP)
2	Tidak setuju (TS)
1	Sangat tidak setuju (STS)

Jadual 3: Jadual Pembolehubah

Soalan Kajian	Pembolehubah	Jumlah item	Nombor item
Apakah faktor motivasi yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan?	Motivasi	11	1 - 11
Apakah ciri-ciri keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan?	Ciri - ciri keusahawanan	10	12 - 21
Apakah kemahiran keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan?	Kemahiran keusahawanan	9	22 - 30
Apakah pengetahuan keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan?	Pengetahuan keusahawanan	8	31 - 38
Apakah elemen keusahawanan yang dapat mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan?	Elemen Keusahawanan Yang Diperlukan	7	39 - 45

Jadual 3 menunjukkan Jadual Pembolehubah yang dibina berdasarkan matlamat kajian untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan untuk menunjukkan bilangan soalan yang akan dibina dan untuk menunjukkan bilangan item dalam soal selidik.

Kesahan instrumen kajian

Kesahan adalah merujuk kepada alat pengukuran sejauh mana alat itu mengumpul data yang merangkumi kandungan sesuatu bidang yang dikaji. Matlamat utama kesahan kandungan sesuatu alat ukur ialah untuk memastikan semua isi kandungan bidang yang dikaji diukur bagi menggambarkan bidang berkenaan (Mohd Majid, 2005). Cadangan pakar dalam bidang yang diukur perlu bagi tujuan penambahan ataupun pengurangan ke atas skala yang digunakan.

Dalam mendapat kesahan ini, penyelidik telah mendapatkan maklum balas dari tiga orang pakar yang mahir dalam bidang keusahawanan dari Fakulti Pendidikan, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor dan Unit Keusahawanan Institut Kemahiran MARA (IKM) Johor Bahru, dengan menunjukkan Jadual Pembolehubah dan item-item untuk mendapatkan kesahan bagi setiap item yang dibina. Pengesahan item soalan ini merangkumi dari aspek ketepatan, kesesuaian istilah dan struktur ayat supaya tidak menimbulkan kekeliruan dan salah tafsiran.

Analisis Data

Jadual 4 di bawah menunjukkan Peratusan dan Kekerapan respon pelajar tentang kemahiran keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Jadual 4 : Peratusan dan Kekerapan respon pelajar terhadap kemahiran keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan

BIL.	KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN	Respon						MIN
		S		TP		TS		
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	
1	Kemahiran kepimpinan	80	53.3	29	19.3	41	27.4	2.31
2	Bekerja dalam kumpulan	142	94.6	6	4	2	1.3	2.93
3	Kebolehan menyesuaikan diri	142	94.6	6	4	2	1.3	2.93
4	Kemahiran untuk menilai peluang	137	91.3	11	7.3	2	1.3	2.25
5	Kemahiran membuat rancangan perniagaan	89	59.3	25	16.7	36	24	2.81
6	Kemahiran menggunakan idea pada sebarang situasi.	128	85.4	17	11.3	5	3.3	2.82
7	Kemahiran komunikasi dalam meyakinkan pelanggan.	87	58	24	16	39	26	2.78
8	Kemahiran kenalpasti dan menyelesaikan masalah.	124	82.7	22	14.7	4	2.7	2.81
9	Kemahiran membuat keputusan yang cepat berdasar situasi semasa.	91	60.6	39	26	20	13	2.76
Nilai Min Purata								2.71

N= 150

Nota : TS = Tidak Setuju TP = Tidak Pasti S = Setuju

Merujuk kepada Jadual 4 seramai 80 responden bersetuju bahawa mereka memiliki kemahiran kepimpinan. Seramai 29 responden tidak pasti dan 41 orang responden (27.4 peratus) tidak setuju. Majoriti responden bersetuju bahawa mereka memiliki kemahiran bekerja dalam kumpulan dan berkebolehan menyesuaikan diri. Ini dapat ditunjukkan dengan hasil respon memberikan seramai 142 responden (94.6 peratus) bersetuju dengan kedua-dua item. 6 responden tidak pasti dan hanya 2 responden (1.3 peratus) memberikan respon tidak setuju terhadap item.

Lebih kurang 91 peratus responden memberikan respon setuju bahawa mereka memiliki kemahiran untuk menilai peluang, yang mana ia mewakili seramai 137 responden. Bagi respon tidak pasti terdapat 11 responden yang memberikan respon tersebut dan hanya 2 responden (1.3 peratus) yang tidak bersetuju bahawa mereka mempunyai kemahiran untuk menilai peluang. Berkenaan kemahiran membina rancangan perniagaan, seramai 89 responden (59.3 peratus) bersetuju bahawa mereka memiliki kemahiran membina rancangan perniagaan. 25 responden memberikan respon tidak pasti dan 36 responden memberikan respon tidak setuju yang mana ia memberikan peratusan sebanyak 24 peratus.

Bagi kemahiran menggunakan idea pada sebarang situasi, sejumlah 128 responden (85.4 peratus) memberikan respon setuju. Untuk tidak pasti terdapat 17 responden (11.3 peratus) dan hanya 5 responden (3.3 peratus) yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

87 responden bersetuju (58 peratus) bahawa mereka memiliki kemahiran komunikasi dalam meyakinkan pelanggan. 24 orang memberikan respon tidak pasti dan sejumlah 39 responden (26 peratus) memberikan respon tidak setuju. Bagi kemahiran mengenalpasti dan menyelesaikan masalah, seramai 124 responden bersetuju dengan pernyataan ini. Ia memberikan peratusan kepada item ini sebanyak 82.7 peratus. 14.7 peratus responden yang mewakili seramai 22 orang responden memberikan respon tidak pasti dan yang selebihnya iaitu seramai 4 responden tidak bersetuju kemahiran tersebut dimiliki mereka.

Seramai 91 responden (60.6 peratus) bersetuju dengan pernyataan ini dan 39 responden (26 peratus) tidak pasti manakala seramai 20 responden (13 peratus) tidak bersetuju bahawa mereka memiliki kemahiran membuat keputusan yang cepat berdasarkan situasi semasa.

Perbincangan

Daripada dapatan kajian mengenai faktor motivasi keusahawanan yang mendorong kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan, nilai purata min adalah 2.45 dan berada pada tahap tinggi. Dalam sebelas item di dalam persoalan kajian ini, item bernombor 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9 dan 11 telah memperoleh skor min pada tahap tinggi.

Penyelidik mendapati pelajar-pelajar cenderung terhadap bidang keusahawanan kerana melalui bidang ini mereka akan dapat mengubah taraf hidup mereka ke tahap yang lebih selesa di samping pelbagai kemudahan dan jenis pembiayaan yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti TEKUN dan pihak MARA dalam memulakan sesebuah perniagaan. Selain itu, penyelidik mendapati pelajar-pelajar juga tidak mahu membataskan kehidupan mereka dengan kemahiran yang mereka ada sahaja tetapi mahu mengupayakan tenaga mereka ke arah bidang keusahawanan kerana di dalam bidang ini terdapat pelbagai peluang keemasan yang perlu direbut di samping memperolehi kepuasan diri dalam bekerja kerana dalam bidang keusahawanan ganjaran atau keuntungan yang diperolehi adalah bergantung kepada sejauhmana ketekunan, kegigihan dan kualiti kerja yang dilaksanakan oleh usahawan tersebut dalam menjana keuntungan yang diinginkan.

Daripada kajian yang telah dijalankan juga didapati seramai 127 orang pelajar (84.7 peratus) bersetuju bahawa kejayaan usahawan berjaya menjadi inspirasi kepada mereka untuk menceburi bidang keusahawanan. Nilai min bagi item ini adalah yang kedua tertinggi iaitu 2.81 yang mana ia berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa usahawan yang berjaya atau *role model* ini telah menjadi salah satu faktor motivasi kepada pelajar-pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan.

Daripada segi penglibatan ahli keluarga pelajar dalam bidang keusahawanan, majoriti pelajar iaitu seramai 63 orang (42 peratus) memberikan respon tidak setuju bahawa terdapat ramai ahli keluarga mereka terlibat dalam bidang keusahawanan. Hasil dapatan kajian memberikan nilai purata min adalah 2.76 dan berada pada tahap tinggi. Seramai 128 orang pelajar-pelajar memberikan respon setuju bahawa aspek keyakinan diri amat penting bagi seseorang itu untuk menceburi bidang keusahawanan.

Terdapat beberapa aspek yang dilihat penting dalam pembentukan diri seorang usahawan masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Antaranya adalah aspek kreatif dan inovatif, aspek kesanggupan menanggung risiko perniagaan dan aspek suka kepada cabaran dan merebut peluang baru. Aspek-aspek ini dilihat amat penting dalam mengharungi dunia keusahawanan.

Daripada hasil dapatan kajian, didapati seramai 95 orang pelajar-pelajar menyatakan bahawa mereka seorang yang kreatif dan inovatif. Selebihnya memberikan respon tidak pasti dan tidak setuju.

Penyelidik berpendapat bahawa seseorang usahawan perlu kreatif dan inovatif kerana aspek ini dapat membantu perniagaan atau perusahaan mereka berkembang dengan lebih pesat lagi kerana pelanggan sentiasa mahukan setiap produk dan perkhidmatan yang diberikan oleh usahawan berada pada tahap yang memuaskan di samping mengikut peredaran masa. Dengan aspek kreatif dan inovatif ini, sesebuah perniagaan akan berupaya menjana keuntungan yang berlipat kali ganda hasil tindakan, penciptaan dan inovasi yang mereka lakukan dalam memperbaiki kehidupan masyarakat khususnya pengguna-pengguna. Kajian ini bersesuaian dengan kenyataan yang dikemukakan oleh Ab. Aziz (1991) dalam Nor Aishah (2002) yang menyatakan bahawa aspek kreatif merupakan kelebihan kompetitif yang perlu ada pada seseorang usahawan. Ia membolehkan usahawan menghasilkan keluaran yang mempunyai kelainan daripada keluaran yang dihasilkan oleh pesaing. Dengan ini, keluaran yang dihasilkan akan terus kekal berada di dalam pasaran dan terus diminati oleh pelanggan.

Oleh yang demikian, ciri ini perlu dipupuk dari awal kerana penyelidik bimbang akan berlaku kejutan budaya dan salah tanggapan apabila mereka terlibat dalam bidang ini sekaligus akan menyebabkan mereka menemui kegagalan dalam perniagaan yang mereka ceburi. Kenyataan penyelidik ini disokong oleh Zaidatol Akmaliah & Habibah (1997), bahawa seseorang usahawan yang berjaya perlu dibentuk untuk berani ke hadapan supaya mampu menghadapi cabaran yang besar, pandai merebut peluang dan mempunyai beberapa ciri yang lain. Kajian ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Adam (1984) dalam Kirby (2003), bahawa seseorang usahawan yang berjaya perlulah mempunyai ciri seperti komitmen yang tinggi dalam pekerjaan, suka kepada cabaran, mempunyai matlamat, adil dan mempunyai pengetahuan yang tinggi.

Kemahiran keusahawanan memang dititik beratkan kerana melalui kemahiran, sesebuah perniagaan atau perusahaan itu akan dapat bertahan lama khususnya dalam era globalisasi ini. Zaidatol Akmaliah & Habibah (1997), menyatakan bahawa usahawan perlu mempunyai bakat dan kemahiran. Usahawan bertanggungjawab secara langsung ke atas kegagalan dan kejayaan

perniagaan mereka. Antara faktor kegagalan sesebuah perniagaan kebanyakannya berkait rapat dengan kelemahan dan kekurangan kemahiran usahawan dalam mengurus perniagaan.

Rujukan

- Azizi Yahaya *et al.* (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Kuala Lumpur : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bab 14 : Belia dan Guna Tenaga .*Rancangan Malaysia Kesembilan*. Program Pembangunan keusahawanan 14.33
- Banfe, C. (1991). *Entrepreneur : From Zero To Hero*. New York : Van Nostrand Reinhold.
- Collins *et. al* (2004). *Entrepreneurship Education*. Education+Training. 43(5), 35- 39
- Donald Ary, Lucy Cheser Jacobs Dan Asghar Razavieh (1985). *Introduction To Research In Education*. New York : CBS Publishing.
- Dyer, W.G. (1978). *The Entrepreneurial Experiences*. San Francisco : Jossey Bass Publishers.
- Greene C.L. (2006). *Entrepreneurship: Ideas In Action 3E*. South Western: Thomson Learning.
- Henderson, R. and Robertson, M. (1999). *Who Wants To Be An Entrepreneur ? Young Attitudes To Entrepreneurship As A Career*. Education+Training. 41(5), 236-245
- Institut Kemahiran MARA Johor Bahru (2006). Latihan Kemahiran MARA Program Sepenuh Masa. [Brochure]. Johor Bahru : Unit Media IKMJB
- Jamaluddin Che Sab (2004). *Bagaimana memulakan perniagaan*. Bentong : PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka.
- Lambing, P.A. and Kuehl C.R. (2007). *Entrepreneurship* (4th ed.). New Jersey : Prentice Hall
- McClelland, D. C.(1961). *The Achieving Society*. Van Nostrand : Princeton, N.J.
- Nurul Zuraida Shafie (2003). *Tinjauan Terhadap Pengetahuan, Kemahiran & inat Dalam Bidang Keusahawanan di Kalangan Peserta Kursus Jangka Pendek Anjuran JPTV*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana Muda
- Peniaga Melayu di Bandar dibantu. (2007, Julai 22). *Mingguan Malaysia* m/s 20
- Pragg, C. Mirjan Van (1996). *Successful Entrepreneurship*. United Kingdom : Edward Elgar.
- Robinson D. (2003). *The Naked Entrepreneurship*. New York : McGraw-Hill Education
- Siti Aisah Binti Abd Mutalif (2002). *Mengenalpasti Tahap Motivasi dan Kecenderungan Keusahawanan di Kalangan Pelajar Semester Akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal: Satu Tinjauan di KUiTTHO*. Kolej Universiti Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana Muda.
- UiTM Entrepreneurship Study Group (2006). *Fundamental of Entrepreneurship* (Revised ed.) Petaling Jaya : Prentice Hall
- Wan Liz Ozman Wan Omar (2000). *Mengurus Agenda Abad 21 Cabaran & Persiapan Dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur : Golden Book Centre Sdn. Bhd.
- Yeoh M. (2003). *Wawasan & Kepimpinan Nilai & Strategi Ke Arah Wawasan 2020*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Zafir Mohd Makhbul, Fazilah Mohamad Hasun (2003). *Siri Pengurusan Menjadi Usahawan : Panduan Menubuhkan & Menguruskan Perusahaan Secara Profesional*. Kuala Lumpur : PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.